



ARKIB

rb
fAC895
M22A281

(i)

'Satu kajian tentang bias akhbar di Malaysia dalam
mengujudkan arah politik khasnya politik kepimpinan'

oleh

Ahmad Azmi Arifin

Latihan ilmiah untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Sastera
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang.

1983

Ingin saya sampaikan terima kasih saya yang tidak terlupa kepada penasihat Latihan Ilmiah saya ini, Dr. Vincent Lowe yang mana tanpa bantuan dan nasihat beliau, Latihan Ilmiah mungkin tidak akan mencapai matlamatnya. Ingin juga saya ucapkan terima kasih kepada sesiapa saja yang telah membantu baik secara langsung maupun tidak langsung dalam menyiapkan Latihan Ilmiah saya ini.

Ahmad Azmi Arifin
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.
Mach 1985.

Kandungan.

	<u>Halaman</u>
Pendahuluan	1-4
Hipotesis	4
Tujuan Kajian	8-11
Kepentingan Kajian	12-14
<u>Bab 1</u>	
Ulasan Kajian lalu sebagai Rangka Kerja Teoritis	16-26
<u>Bab 2- Kajian Kajian</u>	
2.1 Punca-punca data	28-29
2.2 Sempel Kajian	29-30
2.3 Teknik Kajian	30-38
2.4 Beberapa pengertian Bias	39-41
2.5 Jenis-jenis Bias	42-43
<u>Bab 3- Penemuan Kajian</u>	
3.1 Penemuan harian Julai-Disember 1982 Senarai lida pengarang dan fokus berita: 1-5	45-66 67-69
3.2 Penemuan harian April 1982 Senarai lida pengarang dan fokus berita: 6-9	70-84 85-86
<u>Bab 4- Analisa Kajian</u>	87-93
<u>Bab 5- Penutup</u>	94-97
Bibliografi	98
Lampiran Jadual harian Julai-Disember 1982	99-122
Lampiran Jadual harian April 1982	123-146

Duat,

Ayah dan Ibu segalanya untuk mu.

Abstrak

Kajian adalah mengkaji akhbar New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia antara Julai-Disember 1982 dan juga pemilihan bulan April 1982 sebagai lebih terperinci lagi kajian ini dalam memperlihatkan bias partisan dalam akhbar Malaysia.

Dalam hal bias akhbar Malaysia suatu ciri yang penting ialah pemilikan akhbar kepunyaan parti politik, maka penglibatan parti politik dalam industri akhbar inilah yang menarik perhatian.

Kebebasan akhbar jelas diikat dengan pemilikan oleh parti politik. Akhbar menjadi bias kepada parti dan bersikap satu parti saja dalam pemberitaan.

Disebabkan parti yang memiliki akhbar adalah merupakan parti yang terlibat dengan kerajaan, maka berita dalam akhbar tersebut juga menjadi bias kepada kerajaan. Bias positifiti ujud kemudiannya dalam pemberitaan parti itu sendiri dan juga kerajaan secara amnya. Ke manakah press Malaysia mau pergi? Ini perlu dicari jawapan. Tahun 80an merupakan tahun cabaran bagi Malaysia, maka peranan akhbar juga bertambah penting dengan kepesatan pembangunan negara ini.